

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 01.08.2024 MASA: 12.32 PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENERIMAAN JAWATAN
AHLI MAJLIS DAN SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
TAHUN 2024**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**1 OGOS 2024 (KHAMIS)
3.00 PETANG**

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau
Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa
Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &
Desa

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita berkumpul pada petang yang bersejarah ini bersempena Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis dan Tuan Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2024.
2. Terlebih dahulu, saya mewakili seluruh warga kerja MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan; rakan-rakan media; dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada petang ini.
3. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada:-

- i. Encik Mohamad Suzuki bin Ahmad daripada Parti Amanah Negara (AMANAH) di atas pelantikan baharu sebagai Ahli Majlis MBSP. Beliau sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP pada Januari 2016 dan Januari 2020.
 - ii. Encik Mohd Ibrahim bin Md Nor di atas pelantikan baharu sebagai Setiausaha Bandaraya MBSP. Encik Mohd Ibrahim bin Md Nor telah bertugas hampir 30 tahun di MBSP bermula pada tahun 1994 sebagai Penolong Pegawai Pentadbiran Jabatan Urusetia dan sehingga diangkat sebagai Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan pada tahun 2022.
4. Pelantikan Encik Mohamad Suzuki bin Ahmad daripada Parti Amanah Negara (AMANAH) sebagai Ahli Majlis MBSP dan Encik Mohd Ibrahim Bin Md Nor, sebagai Setiausaha Bandaraya telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 22/2024 pada 24 Julai 2024 daripada Pihak Berkuasa Negeri. Pelantikan Ahli Majlis dan Setiausaha Bandaraya baharu ini berkuatkuasa 1 Ogos 2024.
5. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Normahani binti Muhamad di atas segala sumbangan, khidmat bakti dan usaha beliau dalam bersama-sama memacu

kecemerlangan MBSP sebelum ini. Walaupun tidak lagi berkhidmat dengan MBSP, saya berharap agar Puan Normahani masih lagi dapat membantu MBSP dalam menyampaikan aspirasi MBSP kepada rakyat atau komuniti Seberang Perai. Segala jasa beliau sepanjang tahun sebagai Ahli Majlis sehingga 31 Julai 2024 adalah amat kami hargai. Terima kasih Puan.

6. Marilah kita bersatu dan berusaha untuk menggalas kepercayaan, tanggungjawab dan amanah ini dengan sebaiknya dan seterusnya mengekalkan budaya kerja berpasukan, budaya kerja proaktif, inovatif, inklusif dan mengambil kira akan pandangan rakyat bagi memberi perkhidmatan yang cemerlang seterusnya menjadikan Seberang Perai Bandar Aspirasi Bandaraya Masa Hadapan dengan berpandukan kepada Prinsip **“Kesepakatan Komuniti, Keunggulan Organisasi”**. Kita semua adalah satu pasukan dan saya berharap agar kita dapat meletakkan kepentingan dan kebajikan rakyat sebagai fokus utama Majlis.
7. Semua yang berada di sini diharap dapat memberi sokongan padu kepada saya, Ahli Majlis dan Tuan Setiausaha Bandaraya yang telah dilantik. Bekerja dalam pasukan bukannya mudah, tetapi ianya akan

menjadi mudah sekiranya kita tanamkan sikap toleransi dan memahami antara satu sama lain.

8. Kita perlu bersedia dalam menjadikan MBSP:

- i. *Business Ready*
- ii. *Back To Basic and Getting The Basic Right*, Kesepakatan Organisasi, Keunggulan Organisasi di mana kita kembali melihat hakiki tanggungjawab sebuah Pihak berkuasa Tempatan. Isu pembersihan, penguatkuasaan dan hasil adalah cabaran utama yang perlu dititikberatkan. Sekiranya ketiga-tiga cabaran ini dapat dilaksanakan dengan baik, ia akan membawa kepada “*Community Satisfaction*”. Saya yakin dengan persijilan yang kita ada, kita dapat memangkin MBSP untuk “*Getting The Basics Right*” untuk meningkatkan Kualiti kehidupan masyarakat.
- iii. Mewujudkan *Sense Of Unity and Collaboration* bersama *Stakeholders*
- iv. Mengurangkan ketirisan
- v. Meningkatkan hasil
- vi. Mengurangkan birokrasi
- vii. Memperbanyak projek-projek berskala kecil yang memberi impak yang besar utk komuniti

9. Selain itu, apa yang lebih utama adalah kejayaan menawan hati rakyat dengan memenuhi keperluan dan ekspektasi mereka dengan memberikan perkhidmatan mengikut *standard* yang telah ditetapkan, malah dapat mengurangkan aduan-aduan serta birokrasi ketika berurusan dengan mereka yang sentiasa inginkan perhatian dan bantuan daripada MBSP.
10. Kesepakatan Komuniti, Keunggulan Organisasi dapat dicapai sekiranya MBSP mendapat kerjasama penuh daripada 4Ps iaitu *People, Private, Public dan Partnership* dan seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam Penang2030.
11. Akhir kata, sekali lagi sekalung TAHNIAH di atas pelantikan ini dan terima kasih di atas sumbangan semua Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan warga kerja MBSP selama ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.